




POLISI ALAM SEKITAR DAN BIODIVERSITI

Selaras dengan visi syarikat untuk menjadi **Organisasi Perusahaan Sosial Termantap** dalam sektor pertanian dan makanan, FELCRA Berhad komited untuk memastikan semua unit operasi diuruskan dengan bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan biodiversiti.

Untuk memastikan alam sekitar dan kepelbagaian biodiversiti terpelihara, FELCRA Berhad komited untuk:

- Mematuhi segala perundangan, peraturan dan piawaian yang berkaitan alam sekitar dan biodiversiti.
- Memperbaiki mutu kerja dan semua unit operasi kami secara menyeluruh untuk mempertingkatkan amalan semasa ke arah pembangunan mampan.
- Mengurangkan impak atau kesan negatif alam sekitar terhadap semua aktiviti yang berlangsung di dalam kawasan FELCRA Berhad.
- Memberikan pemahaman serta kesedaran tentang kepentingan pemuliharaan alam sekitar dan biodiversiti melalui kempen-kempen kesedaran dan latihan kepada semua kakitangan FELCRA Berhad.
- Memastikan pihak berkepentingan menyedari dan komited terhadap pemeliharaan alam sekitar dan perlindungan biodiversiti.


(MOHAMED ISMI BIN ABDUL MAJID)
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
FELCRA Berhad

Semakan: 04

Tarikh: 13 April 2026